

**PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN SELANGOR
BILANGAN 11/1977**

=====

**TUNTUTAN KE ATAS KERAJAAN NEGERI DAN
EJEN-EJEN KERAJAAN NEGERI**

Adalah dimaklumkan bahawa Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan, Selangor telah mengeluarkan satu Arahan berkaitan dengan saman atau tuntutan yang dibuat terhadap Kerajaan Negeri atau Ejen-Ejen Kerajaan Negeri. Arahan tersebut adalah seperti di LAMPIRAN 'A'.

2. Di dalam Arahan tersebut Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Selangor telah menjelaskan implikasi Kerajaan Negeri dan akibatnya ke atas tuntutan atau saman yang dibuat dan peranan Yang Berhormat Penasihat Undang-Undang Negeri untuk membela Kerajaan Negeri diatas tuntutan atau saman tersebut.

3. Berkaitan dengan perkara ini Pendaftar dan Pemungut-Pemungut boleh dikatakan kerap kali dijadikan sebagai "respondent" oleh "plaintiff" untuk dibicarakan di Mahkamah. Kebanyakan kes-kes yang terlibat ialah dalam soal bayaran gantirugi pengambilan tanah, suratcara-suratcara yang ditolak pendaftaranya dan lain-lain lagi.

4. Perhatian Pendaftar dan Pemungut-Pemungut adalah ditarik berkenaan dengan Arahan di perenggan 6 di LAMPIRAN 'A'. Ini adalah bermakna bahawa Pendaftar dan Pemungut-Pemungut hendaklah mengambil tindakan segera melaporkan cara rasmi notis atau saman yang diterimanya kepada Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri dengan disertakan 2 salinan notis atau saman tersebut dan satu salinan dihantar ke Pentadbiran ini. Yang Berhormat Penasihat Undang-Undang Negeri tidak akan melayan apa jua tindakan sebelum menerima arahan rasmi daripada Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan. Pendaftar dan Pemungut-Pemungut adalah diingatkan bahawa tindakan yang diambil selepas ini tidak payah lagi dikemukakan kepada Yang Berhormat Setiausaha Kerajaan Negeri. Tindakan tersebut bolehlah diambil terus dengan Yang Berhormat Penasihat Undang-Undang Negeri atau melalui Pentadbiran ini seperti biasa.

5. Pendaftar dan Pemungut-Pemungut hendaklah mengambil tindakan-tindakan seperti yang dikehendaki di perenggan 4 di atas.

T.T
(HAJI SULAIMAN BIN MOHD DON)
PENGARAH TANAH DAN GALIAN,
SELANGOR

PTG.SEL.SULIT 0.180 (110)

Kuala Lumpur
31HB Oktober 1977

Ibu Pejabat Kerajaan Selangor,
Kuala Lumpur

7hb Julai 1977

Ketua-ketua Jabatan,
Negeri Selangor.

Tuan,

Tuntutan Ke atas Kerajaan Negeri dan Ejen-Ejen Kerajaan Negeri.

Adalah saya dengan hormatnya menarik perhatian tuan kepada perkara di atas yang mana ada kalanya Kerajaan Negeri dan Jabatan tuan disaman oleh pihak awam untuk dibicara di Mahkamah kerana sesuatu sebab tertentu.

2. Pihak awam biasanya menyaman atau membuat tuntutan ke atas Kerajaan dan Ejen-Ejennya untuk mendapat bayaran gantirugi yang munasabah kerana tidak puas hati dengan tindakan-tindakan atau kesalahan-kesalahan yang dilakukan oleh pihak Kerajaan. Misalnya bila pihak Kerajaan mengambil balik tanah untuk sesuatu projek dan bayaran gantirugi yang diberikan tidak memuaskan tuan-tuan tanah, mereka akan menuntut di Mahkamah untuk mendapatkan pampasan yang lebih tinggi daripada Kerajaan. Begitu juga bila berlakunya pelanggaran yang melibatkan kenderaan Kerajaan dengan orang awam atau harta bendanya, mereka akan menyaman pihak Kerajaan untuk dibayar gantirugi kerana kecederaan mereka atau kerosakan harta bendanya akibat pelanggaran itu.

3. Dalam kes-kes saman atau tuntutan yang melibatkan Kerajaan Negeri dan Ejen-Ejennya, Y.B. Penasihat Undang-Undang Negeri akan mewakili pihak Kerajaan Negeri dalam perbicaraan di Mahkamah atau dalam penyelesaian di luar Mahkamah. Dalam hal ini Y.B. Penasihat Undang-Undang Negeri memerlukan masa yang lama juga untuk mengkaji kes-kes saman itu bagi menyemak dokumen-dokumen, undang-undang dan mengumpul bahan-bahan untuk dihujah di dalam perbicaraan kelak sebagai mempertahankan kepentingan-kepentingan Kerajaan Negeri.

4. Tetapi apa yang mendukacitakan ialah ada Ketua-Ketua Jabatan yang menerima saman atau tuntutan ke atas Kerajaan Negeri dan Ejen-Ejennya lambat menyampaikan saman atau tuntutan itu kepada Y.B. Penasihat Undang-Undang Negeri untuk tindakan selanjutnya walaupun saman itu telah diterima oleh Jabatan-Jabatan berkenaan. Ada kalanya, pada saat-saat yang akhir sebelum pendengaran (hearing) di Mahkamah, barulah saman itu diangkat kepada Y.B. Penasihat Undang-Undang Negeri.

5. Dalam keadaan demikian, tidak dapatlah Y.B. Penasihat Undang-Undang Negeri mengambil apa-apa tindakan yang perlu kerana kesuntukan masa atau pun tidak ada jalan lain bagi Y.B. Penasihat Undang-Undang Negeri, melainkan

memohon kepada Mahkamah menangguhkan perbicaraan itu. Dengan hal yang demikian banyak masa pihak yang terlibat terbuang begitu sahaja kerana kecuaiannya Ketua-Ketua Jabatan Negeri yang lambat menyampaikan saman-saman itu ke pengetahuan Y.B. Penasihat Undang-Undang Negeri.

6. Saya berharap, melalui surat ini di masa-masa akan datang, tuan akan mengambil tindakan serta-merta untuk menghantar saman-saman atau tuntutan-tuntutan ke atas Kerajaan Negeri dan Ejen-Ejen kepada Y.B. Penasihat Undang-Undang Negeri melalui Pentadbiran ini. Perkara ini juga hendaklah diberitahu kepada Ketua-Ketua Pejabat tuan diperingkat-peringkat Daerah.

T.T
(WAN MANSOR BIN ABDULLAH)
SETIAUSAHA KERAJAAN,
SELANGOR

s.k.

Y.B. DATO' PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI SELANGOR.